

Pendahuluan

Sejarah pemikiran manusia menunjukkan berlaku polemik yang berterusan antara logik akal dan wahyu. Polemik ini berlaku menerusi perdebatan antara ilmu dan falsafah dengan iman dan agama. Polemik yang panjang tersebut melahirkan pelbagai varian, kecederungan dan aliran pemikiran manusia. Terdapat sebahagian golongan menolak percibangan iman kerana menganggapnya sebagai mitos yang membataskan dan mengancam akal manusia. Kecenderungan pemikiran ini meyakini bahki akal mampu mendapatkan kebenaran sejati dan kebahagiaan hakiki bagi manusia. Penyerapan pemikiran yang mengutamakan logik akal dan mengesampingkan keimanan telah menular secara halus untuk menjelaskan akidah dalam kalangan umat Islam.

Logik Akal Versi Barat (Man is the measure of all thing)

Pemikiran yang menggunakan logik akal semata-mata telah meletakkan manusia sebagai paksi membuat kebenaran dan parameter segala sesuatu (Man is the measure of all thing). Falsafah dalam logik akal ini juga menjadikan rasional sebagai penentu dalam pertimbangan moral semata-mata. Penggunaan logik akal berlebihan seperti ideologi ini mengakibatkan muuncul pandangan kepada kebenaran sebagai suatu yang relatif, skeptikal terhadap pemikiran lain dan mengajarkan untuk mempertahankan pendirian masing-masing.

Selain itu pola pemikiran rasional dan pragmatis yang melampau memberikan manusia sahaja mempunyai hak merumuskan nilai baik atau buruk untuk diterima masyarakat. Teori logik akal ini diguna pakai dalam orientasi intelektual moden dan menjadi elemen penting bagi kemunculan peradaban Barat. Kelangsungan budaya Barat yang memberikan autoriti kepada logik akal membentuk fenomena untuk menafikan keimanan yang dianggap sebagai tradisi atau mitos. Kehendak manusia sebagai parameter menunjukkan penggunaan hawa nafsu mengatasi keutamaan keimanan kepada Allah SWT seperti dalam firman-Nya:

أَرَعَيْتَ مِنْ أَخْذَ إِلَهُهُ رَهْوَةً
أَفَإِنْتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِلًا

Maksudnya: "Nampakkah (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan yang dipuja lagi ditawati! Apakah engkau akan menjadi pelindungnya?" (Surah al-Furqan: 43).

Nilai Keimanan Menurut Logik Akal Versi Barat

Logik akal versi Barat mempercayai bahawa kebenaran merupakan sesuatu yang relatif. Barat berpendapat bahawa logik akal mampu memahami fenomena alam dengan sendiri. Semua sistem dibentuk melalui persekitaran yang dianggap logik dengan akal pada masa tersebut. Begitu juga logik akal pada sesama masa mungkin berbeza pada masa yang lain. Oleh yang demikian logik akal versi Barat mengklasifikasi nilai keimanan sebagai sesuatu yang relatif dan berubah mengikut peredaran dan perkembangan masa. Logik akal versi Barat memberi kebebasan dalam membincangkan nilai keimanan seperti kewujudan tuhan dan perundangan tuhan. Selain itu semua orang layak dan bebas menafsir nilai keimanan mengikut logik



akal masing-masing.

Hak kebebasan Barat ini mempertikai nilai keimanan dan menyebarkan persoalan agama dengan logik akal semata-mata. Logik akal versi Barat menjadikan agama sebagai hak individu dengan peraturan yang eksklusif. Manakala sistem lain pula merupakan hak individu yang dibentuk dengan peraturan yang tersendiri. Hal yang demikian menunjukkan setiap sistem mempunyai nilai yang bersalingan tanpa terikat dengan agama. Keadan ini juga melahirkan logik akal versi Barat menolak campur tangan agama dalam kehidupan. Menurut logik akal, Barat akan kekal berada dalam kemunduran jika masih kuat berpegging pada agama. Penolakan kepada agama merupakan agenda utama dalam gagasan Barat. Konspirasi ke arah penjajahan akal agar tidak berpegging kepada keimanan kepada Allah SWT merupakan perancangan yang dinukilkan dalam firman-Nya:

وَلَنْ تُرْضِيْنَ عَنْكُمْ اُبُوْنِيْدَ وَلَا
الْأَصْنَمَرِيْ حَقَّيْتَ شَيْئَنَمْ قَلْ إِنَّ
هَذِيَ اللَّهُ الْهُنْدَى وَلَيْنِيْنَ أَتَيْتَكَ
أَنْهُوَأَمَمَ بَعْدَ الَّذِيْ جَاءَكَمْ مِنَ الْعِلْمِ
مَا لَكَ مِنْ أَنْلَهُ مِنْ وَلِيْ وَلَا تَصِيْرِ

Maksudnya: "Orang-orang Yahudi dan Nasarani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepada kami (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu)."

Katakanlah kepada mereka: Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itu)un petunjuk yang benar." Dan demikian sesungguhnya jika engku menurut kehendak hawa nafsu mereku sedikit datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepada padam (tentang kebenaran), maka tetiba engku akan peroleh daripada Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu."(Surah al-Baqarah: 120).

Batasan Akal Dalam Islam

Logik akal versi Barat terbatas kepada bukti kajian dan eksperimen melalui panca inderanya yang lima sahaja. Hal ini menunjukkan akal mempunyai kelemahan dan memiliki keupayaan yang terhad, ia bukanlah merupakan sesuatu kecakatan. Namun kekurangan itu memperlukan peranan akal dalam ruang lingkup bagi tugas yang sebenar. Batasan-batasan dalam Islam melambangkan kemulian kedudukan akal dalam diri manusia. Akal tidak mampu untuk memikirkan secara mendalam tentang nilai keimanan seperti membongkar hakikat Allah SWT.

Akal tidak tahu dan tidak dapat memahaminya secara bersendirian kerana banyak melibatkan perkara-perkara yang ghaib. Akal juga tidak dapat memahami hakikat seorang mandiri perkara-perkara akidah, prinsip-prinsip akhlak dan perundangan serta kaedah-kaedah hukum sesama manusia. Kelemanah akal manusia terbatas dengan kurianya ilmu pengetahuan yang sedikit seperti dalam firman Allah SWT:

وَمَا أَوْتَيْتُمْ مِنْ أَعْلَمُ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: "Dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan, melainkan sedikit sahaja."(Surah al-Israat: 85).

Selain itu akal tidak dapat menetapkan dengan konsisten dalam baik dan buruk sesuatu perkara. Oleh yang demikian menunjukkan peranan wahyu sebagai pemandu kepada akal. Akal tidak dapat mencerna sesuatu hukum yang berkaitan dengan pahala dan dosa kewacuan dengan kehadiran wahyu. Hal yang demikian memperhatikan akal mempunyai tahap ketepatan dalam pendalian akidah. Akal tidak mampu menginterpretasikan hukum seperti wajib dan haram kerana hukum ini ditetapkan oleh kebebasan syarak semata-mata. Begitu juga akal tidak boleh membahaskan faedah tersebut pada hari akhirat kerana akal tidak mampu hari akhirat kecuali dengan penghibaran oleh wahyu. Perkara ini menunjukkan terdapat perkara yang khusus hanya milik Allah SWT sebagai mana yang terkandung dalam firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدُهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُرِثُ
الْحَيَّتِ وَعَلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا
تَدْرِي نَفْسٌ مَمَّا ذَكَرَ اللَّهُ
وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِإِيْرَاضٍ تَمُوتُ

إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang keria Kiamat dan Dialah jua Yang Menurunkan hujan dan Yang Mengetauhui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu mengandung) dan tiada sesorang pun yang mengetahui apa yang akan diusahakan sya (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetauhui, lagi Amat Meliputi pengetahuan-Nya."(Surah Luqman: 34).

Penutup

Penggunaan logik akal semata-mata merupakan orientasi intelektual dalam peradaban Barat. Selain itu meletakkan autoriti kepada logik akal membuat fenomena untuk menekal keimanan dan menjelaskan akidah dalam kalangan umat Islam. Barat hanya mengiktiraf akal sebagai sumber ilmu pengetahuan dari sudut lahiriah sahaja.

Manakala Islam menerima akal dari sudut lahiriah juga, bahkan dalam sumber lain lahir dari sudut rohani. Dalam pada itu Islam memposisikan akal tidak terlalu tinggi sehingga disanjung berbeza. Begitu juga akal tidak direndahkan setaraf hawian. Akal berda di kedudukan yang selakunya. Penerimaan akal dan keimanan terhadap wahyu memerlukan keserasian dalam memahami hakikat kebenaran.

Selain itu akal bukan sekadar digunakan untuk menanggung persoalan falsafah, tetapi menyokong kebenaran yang selari dengan keimanan terhadap wahyu.